# KELAYAKAN JAWATAN DAN DESKRIPSI TUGAS



| JAWATAN | KELAYAKAN | BIDANG / FUNGSI DAN DESKRIPSI TUGAS |
|---|---|---|
| **PENGAWAL KESELAMATAN** | • Mempunyai Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;<br>• Kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan<br>• Calon perlu memiliki ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:<br>i. Ketinggian – Sekurang-kurangnya 1.62m bagi lelaki dan 1.52m bagi wanita tanpa bersepatu;<br>ii. Berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;<br>iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;<br>iv. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 80sm dan semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);<br>v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan alat bantuan; dan<br>vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat:<br>vii. Tidak cacat anggota tubuh badan; dan<br>viii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar. | • Melaksanakan tugas-tugas keselamatan di sekitar kawasan LHDNM.<br>• Melindungi harta dan kakitangan syarikat dengan mengekalkan persekitaran yang selamat dan terjamin.<br>• Memantau dan mengawal akses di pintu masuk bangunan dan keluar / masuk kenderaan.<br>• Menyedia dan memastikan setiap pelanggan dan pelawat mempunyai pas pelawat dan didaftarkan di kaunter keselamatan.<br>• Meronda dan memantau secara rawak atau kerap di kawasan sekitar LHDNM.<br>• Merekod kesalahan yang dilakukan oleh orang awam dan pekerja LHDNM.<br>• Menerima arahan daripada pegawai atasan bagi menjalankan tugas yang berkaitan dengan keselamatan dari semasa ke semasa. |